

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

BAB I

PENDAHULUAN

1. LATAR BELAKANG MASALAH

1.1. Pasir Tumboh

Pasir Tumboh merupakan salah satu mukim dalam daerah Limbat jajahan Kota Bharu negeri Kelantan Darul Naim¹, iaitu di bahagian pantai timur semenanjung Malaysia dan ia menjadi pekan kecil bagi daerah Limbat². Kedudukannya dikelilingi oleh beberapa mukim dalam daerah Limbat dan di sebelah utaranya bersempadan dengan daerah Kubang Kerian³. Jaraknya kira-kira 9.6 kilometer dari bandar Kota Bharu ibu negeri Kelantan⁴. Keluasannya ditentukan 123 hektar dengan anggaran penduduk seramai 4459 orang⁵.

Kawasan Pasir Tumboh terletak di tepi jalan raya utama yang menghubungkan Kota Bharu dan Kuala Terengganu. Ia menjadi tumpuan laluan kerana sebelah barat Simpang Empat Pasir Tumboh juga menghubungkan laluan ke jalan Kuala Krai iaitu laluan ke Kuala Lumpur dan jalan ke Pasir Mas iaitu laluan ke Lebuhraya Timur Barat. Sebelah timurnya menghala ke Pondok Pasir Tumboh dan laluan ke jajahan Bachok.

¹ *Profil Daerah Limbat* (1999). Kota Bharu: Pejabat Daerah Limbat, h. 5.

² Temu bual dengan Hj. Mohd Syukri Bin Mat Hasan Peggawa Daerah Limbat pada 6 November 2000.

³ Sila lihat lampiran 1; Kubang Kerian merupakan bandar baru dan terletak dalam pentadbiran Majlis Perbandaran Kota Bharu.

⁴ Temu bual dengan Hashim Bin Mohamed, penghulu Mukim Pasir Tumboh pada 6 November 2000.

⁵ *Profil Daerah Limbat* (1999), *op.cit.*, h. 5 – 6.

Sejarah dinamakan Pasir Tumbuh adalah diambil sempena daripada sistem sungainya. Dahulu, sungai yang mengairi kampung ini adalah melengkung dan lama kelamaan tanah dan pasir dibawa oleh arus sungai berhimpun di satu tempat yang akhirnya menjadi satu tempat perkampungan dan penanaman. Dari sinilah orang memanggil kampung ini kampung Pasir Tumbuh⁶.

Melalui pemerhatian yang dibuat oleh penulis, Pasir Tumbuh sekarang ini telah mengalami pembangunan yang pesat. Kebanyakan kawasan Pasir Tumbuh telah menjadi kawasan perumahan yang baru dibina oleh kerajaan dan swasta. Sedikit sahaja kawasan pertanian iaitu dusun buah-buahan, kelapa dan padi.

Pelbagai kemudahan awam terdapat di Pasir Tumbuh, antaranya SMU(A) Taqaddum al-Ma'arif, Maktab Rendah Sains MARA, Kolej Pondok PPPB, tadika dan pusat sumber KEMAS, telefon awam, madrasah (surau), taman permainan, padang bola, pusat tuisyen, pusat bimbingan al-Quran dan lampu jalan raya utama dan lampu isyarat jalan. Kemudahan lain pula terdapat pondok polis, wakil pos, pejabat penggawa, stesen MARDI, klinik swasta, pasar, pasar tani, pasar malam dan sebagainya .

Di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam, Pasir Tumbuh termasuk dalam mukim Terusan yang mana Masjid Pondok Pasir Tumbuh⁷ menjadi masjid mukim untuk didirikan solat Jumaat kepada penduduk mukim Pasir Tumbuh dan mukim

⁶ Mohd Abidin Bin Hj. Mohd Zain (1983), "Pasir Tumbuh Dari Segi Sejarah", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Bil. 12, 1983, h. 64.

⁷ Pondok kajian penulis.

Pohon Mesta⁸. Manakala dalam pembahagian kawasan pilihan raya, Pasir Tumboh termasuk dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Pasir Tumboh dan Parlimen Kubang Kerian⁹.

Dari segi sejarah, Pasir Tumboh merupakan kawasan yang diberikan oleh Long Yunus kepada Long Gaffar pada tahun 1762 M. kerana pertolongannya dalam usaha menyatupadukan negeri Kelantan¹⁰. Oleh itu kampung Pasir Tumboh ini telah wujud sebelum tahun 1762 M. lagi dan ia merupakan salah sebuah kampung yang tertua dalam negeri Kelantan¹¹.

Antara tahun 1900-1950, Pasir Tumboh yang berada di persimpangan jalan-jalan sungai merupakan sebuah pusat jual beli yang besar. Ini kerana kemajuan ekonomi sesuatu tempat pada masa itu bergantung kepada perhubungan sungai. Selain itu Pasir Tumboh juga terletak di antara jalan darat dari Kota Bharu ke Gunung¹². Pada tahun 1935 satu jambatan batu dibina dan ini merupakan jambatan batu yang pertama sekali di Kelantan¹³. Jambatan yang ada pada hari ini telah dibina pada tahun 1976¹⁴.

⁸ Temu bual dengan Hj. Ismail Bin Hj. Hassan, Imam Tua mukim Terusan pada 7 November 2000.

⁹ *Daftar Pemilih 1999 Bagi Daerah Mengundi Pasir Tumboh* (2000), Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, h. 1.

¹⁰ Saad Shukri Bin Hj. Muda (1971), *Detik-Detik Sejarah Kelantan*. Kelantan: Pustaka Aman Press, h. 64.

¹¹ Mohd Abidin Bin Hj. Mohd Zain (1983), *op.cit.*, ms 64.

¹² Sila lihat lampiran 2.

¹³ Mohd Abidin Bin Hj. Mohd Zain (1983), *op.cit.*, ms 64 - 65.

¹⁴ Mohd Syukri Bin Mat Hasan, *op.cit.*

Sejarah perkembangan pengajian pondok di Pasir Tumboh telah pun melalui empat peringkat. Peringkat pertama ialah Pondok Tok Borat (1927-1932) iaitu pada awal tahun 1927, pondok telah didirikan oleh Hj. Yunos Bin Awang Buang di tempat bernama Tok Borat. Kemudiannya pada tahun 1933 pondok ini dipindahkan ke Pasir Tumboh dengan dikenali sebagai Pondok Pasir Tumboh (1933-1947). Pondok ini maju di antara tahun 1933-1939 dan kemudiannya selepas tahun 1940 pondok ini semakin merosot¹⁵.

Dalam tahun 1948 satu pondok lagi telah didirikan di satu kawasan berhampiran oleh Tuan Guru Hj. Yaakub Bin Awang yang dikenali dengan Pondok Kubang Siput (1948-1959). Pondok ini maju antara tahun 1948-1953 dan selepas 1954 pondok ini semakin merosot. Kemudiannya pada tahun 1959 tuan guru berpindah ke tempat lain¹⁶.

Di samping itu dalam tahun 1946¹⁷ pondok didirikan oleh Hj. Abdul Aziz @ Hj. Yazid Bin Hj. Yaakob di Kampung Terusan yang dinamakan Madrasah Diniyyah dengan dikenali dengan panggilan Pondok Terusan¹⁸. Dalam tahun 1964 pondok ini bertukar menjadi sekolah agama rakyat yang dinamakan Madrasah Taqaddum al-Ma'arif dan kemudiannya pada tahun 1965 berpindah ke kawasan padang kampung Terusan¹⁹.

¹⁵ Mohd Abidin Bin Hj. Mohd Zain (1983), *op. cit.*, ms 64 - 65.

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ Mohd Yunan Mahmood (1989), *Riwayat Hidup Tokoh-Tokoh Ulama' Kelantan*. Kota Bharu: Yayasan Islam Kelantan, h. 183.

¹⁸ Temu bual dengan Hj. Ibrahim Bin Abd. Wahab pada 8 November 2000. Bekas guru Madrasah tersebut dan menantu Hj. Abdul Aziz @ Hj. Yazid Bin Hj. Yaakob.

¹⁹ *al-Ma'arif* (2001), Majalah Tahunan SMU(A) Taqaddum al-Ma'arif, Bil. 1, 2000/2001, h. 49.

Di kampung Terusan juga dalam tahun 1954, dua orang adik beradik iaitu Hj. Abdul Aziz Bin Hj. Abu Bakar dan abangnya Hj. Mustafa yang baru pulang daripada pengajian mereka di Mekah telah menubuhkan pengajian pondok dengan mendirikan madrasah yang diberi nama Madrasah al-Dīniyyah al-Bakriyyah. Pondok Terusan inilah yang menjadi objek kajian penulis. Pondok ini lebih dikenali dengan Pondok Pasir Tumbuh.

1.2. Pondok Pasir Tumbuh Secara Umum

Pondok Pasir Tumbuh merupakan salah satu institusi pengajian pondok tradisional yang tertua yang masih wujud sehingga ke hari ini dan yang terbesar di Negeri Kelantan. Nama rasminya Madrasah al-Dīniyyah al-Bakriyyah, Terusan, Limbat, Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan. Ia juga dikenali dengan panggilan Pondok Terusan²⁰.

Pondok ini telah ditubuhkan bersama oleh Tuan Guru Hj. Abdul Aziz Abu Bakar dan abangnya Tuan Guru Hj. Mustafa²¹ serta dibantu oleh adik ipar mereka Tuan Guru Hj. Hasyim Bin Hj. Abu Bakar pada tahun 1954²². Sekarang ini selepas kematian Tuan Guru Hj. Mustafa dan Tuan Guru Hj. Abdul Aziz, Pondok Pasir Tumbuh terus diterajui oleh Tuan Guru Hj. Hasyim iaitu Tuan Guru selaku Penguasa Satu (Mudir) Pondok²³.

²⁰ Sila lihat lampiran 3.

²¹ Sila lihat lampiran 4.

²² Madrasah al-Dīniyyah al-Bakriyyah (t.t), *Penubuhan Sukatan Pelajaran Perlembagaan dan Undang-Undang*. Kota Bharu: Lajnah Perhubungan Penerangan dan Kesihatan Madrasah al-Dīniyyah al-Bakriyyah, h. 1.

²³ Sila lihat lampiran 5.

Pondok Pasir Tumbuh merupakan milik persendirian yang didirikan tanpa sebarang bantuan daripada pemerintah. Sumber kewangan bagi menguruskan pondok hanya bergantung kepada sumbangan derma ikhlas orang ramai dan yuran pelajar di samping keikhlasan guru yang mengajar ilmu secara sukarela tanpa menerima gaji dan mereka menampung keperluan hidup sehari-hari dengan bekerja sendiri²⁴.

Pondok Pasir Tumbuh terletak di kampung Terusan dan sekarang ini dikenali dengan kampung Pondok Terusan²⁵. Jaraknya 11 kilometer dari bandar Kota Bharu dan 1 kilometer dari pekan kecil Pasir Tumbuh. Kedudukan perkampungan pondok adalah bersebelahan dengan kawasan perumahan Desa Darulnaim dan berdekatan dengan Maktab Rendah Sains MARA dan SMU(A) Taqaddum al-Ma'arif Pasir Tumbuh serta Kolej Pondok PPPB²⁶.

Pondok Pasir Tumbuh terdiri daripada beberapa buah bangunan utama iaitu, masjid empat tingkat yang juga dijadikan masjid mukim Terusan; Beberapa buah *balai sah* (madrasah), yang utamanya seperti Madrasah Tuan Guru Hj. Mustafa, Madrasah Tuan Guru Hj. Abdul Aziz dan Madrasah *Tejatu*²⁷; Bangunan *Jam'iyah* yang sekarang ini dijadikan pejabat PPPB, pejabat pondok, dewan mesyuarat, bilik perpustakaan dan bilik pameran²⁸; Rumah-rumah tuan guru yang terletak berhampiran dengan masjid dan *balai sah* di samping rumah-

²⁴ *Ibid*, m.s. 5.

²⁵ Kampung Pondok Terusan terletak dalam mukim Pohon Mesta dengan anggaran jumlah penduduknya seramai 2090 orang iaitu 850 lelaki dan 1240 perempuan. Jumlah rumah ialah sebanyak 1350 buah. Lihat Profil Daerah Limbat (1999), *op.cit.*, ms. 6.

²⁶ Temu bual dengan Wahab Bin Zakaria, penghulu mukim Pohon Mesta pada 7 November 2000.

²⁷ Sila lihat lampiran 6.

²⁸ Sila lihat lampiran 7.

rumah pembantu tuan guru yang terdiri daripada anak menantu tuan guru dan pelajar-pelajar lama yang menetap di pondok.

Pondok-pondok tempat tinggal pelajar didirikan di sekitar kawasan pondok sama ada secara percuma atau menyewa daripada penduduk tempatan. Kebiasaannya pondok-pondok tersebut telah diwakafkan oleh pelajar-pelajar lama yang sudah tamat pengajian²⁹. Selain itu untuk mengatasi kepesatan tempat tinggal pelajar, beberapa buah bangunan asrama yang bertingkat turut dibina dan sekarang ini bangunan asrama lima tingkat yang berasaskan reka bentuk moden sedang dalam proses pembinaan³⁰.

Keluasan keseluruhan perkampungan yang berada di bawah pengurusan pondok adalah lebih kurang 48 ekar yang terdiri daripada tanah yang diwakafkan kepada pondok, tanah kepunyaan tuan guru dan keluarga tuan guru di samping tanah milik penduduk yang tinggal dalam kawasan pondok yang terdiri daripada guru pembantu dan pelajar serta penduduk tempatan yang turut membenarkan pelajar membina pondok secara percuma atau memberi sewa. Selain itu terdapat juga beberapa individu yang datang ke pondok untuk beribadat dan belajar agama di pondok ini membeli tanah penduduk sekitar.

Bilangan pelajar di pondok ini ialah kira-kira 1500 orang. Ini termasuk mereka yang berdaftar sebagai pelajar sepenuh masa³¹ kira-kira seramai 700

²⁹ Sila lihat lampiran 8.

³⁰ Sila lihat lampiran 9.

³¹ Pelajar yang mengikuti sistem *nizāmi* dan *'umūmī*.

orang³² iaitu terdiri daripada 580 orang lelaki dan 120 orang perempuan yang berumur antara 13-35 tahun. Manakala selebihnya terdiri daripada mereka yang tidak mendaftar iaitu terdiri daripada pelajar golongan tua dan berkeluarga yang datang ke pondok untuk beribadat dan belajar agama di samping penghuni pondok yang turut sama belajar di pondok dengan mendengar sahaja pengajaran. Jumlah pondok yang didiami oleh pelajar adalah sebanyak 900 unit³³.

2. PENGERTIAN TAJUK DAN PERUMUSAN MASALAH

Tajuk kajian dan penulisan yang dibuat ialah “**Pengajian Ilmu Fiqh di Pondok Pasir Tumbuh: Suatu Kajian Terhadap Metodologi dan Keberkesanannya**”.

Pengajian: Berasal daripada kata kerja ‘kaji’ yang bererti pelajaran, cabang ilmu pengetahuan, pengetahuan atau penyelidikan mengenai sesuatu. Manakala ‘**pengajian**’ pula ialah usaha atau kegiatan belajar membaca al-Quran, pembacaan al-Quran; kajian, penyelidikan yang mendalam atau terperinci; pelajaran atau perolehan pelajaran yang mendalam atau di peringkat tinggi³⁴.

Ilmu: ialah pengetahuan atau kepandaian dalam perkara dunia, akhirat, zahir dan batin³⁵. **Fiqh** berasal daripada perkataan Arab, yang bererti mengetahui sesuatu

³² Berdasar kepada bancian terbaru Pondok Pasir Tumbuh pada tahun 2001.

³³ Temu bual dengan Ahmad Syairazi Bin ‘Atiqullah, Guru merangkap Pendaftar Pondok Pasir Tumbuh pada 1 Feburari 2001.

³⁴ Noresah Binti Baharom *et al.* (ed.) (2000), *Kamus Dewan (Edisi Ketiga)*, c. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 560.

³⁵ *Ibid.*, h. 483.

dan memahaminya atau mengetahui hukum-hukum syarak yang amaliah daripada dalil-dalilnya yang tafsil³⁶. Manakala dalam bahasa Malaysia disebut **Fikah** yang bererti pengetahuan tentang hukum dalam agama Islam³⁷.

Pondok: Berasal daripada perkataan Arab iaitu "*funduq*" yang membawa erti rumah tumpangan, rumah penginapan iaitu tempat pelancong-pelancong dan pelawat tinggal bermalam atau hotel³⁸. Menurut pengertian yang diberi oleh Kamus Dewan ialah dangau, gubuk, teratak iaitu rumah kecil yang didirikan untuk sementara di sawah atau di ladang atau rumah kecil yang tidak elok dengan berinding buluh dan beratap rumbia atau madrasah dan asrama tempat mengaji atau belajar agama³⁹.

Di Indonesia terdapat beberapa nama yang diberikan kepada pondok seperti istilah '*psantre*', '*perjantren*'. Istilah ini berasal daripada perkataan '*santri*' yang bermaksud pelajar-pelajar agama maka '*pesantren*' ialah tempat berkumpul dan menginap '*santri-santri*' atau asrama bagi pelajar agama. Pondok di Minangkabau dipanggil '*surau*', di Madura dipanggil '*penjantren*', di Pasundan '*pondok*' dan istilah '*rangkang*' digunakan di Aceh⁴⁰.

Daripada pengertian di atas dapatlah disimpulkan bahawa perkataan pondok itu digunakan bagi rumah-rumah kecil yang diduduki oleh para pelajar

³⁶ *al-Munjid fi al-Lughah Wa al-A'lām* (t.t.), c. 26. Bayrūt: Dār al-Masyriq, h. 591.

³⁷ Noresah Binti Baharom (2000), *op.cit.*, h. 351.

³⁸ Elias A. Elias dan Ed. E Elias (1979), *Elias' Modern Dictionary English-Arabic*. Cairo: Elias' House and Co., h. 351.

³⁹ Noresah Binti Baharom (2000), *op.cit.*, h. 1050.

⁴⁰ Aboebakar, H. (1995), *Sejarah Masjid dan Amal Ibadah Dalamnya*. Jakarta: N. V. Visser & Co., h. 411.

agama dan kemudian ia kekal digunakan sebagai gelaran kepada institusi pengajian yang berbentuk tradisional ini⁴¹.

Pondok Pasir Tumboh: Ialah panggilan yang diberi kepada satu institusi pengajian pondok yang berbentuk tradisional di Pasir Tumboh. Nama rasminya ialah Madrasah al-Diniyyah al-Bakriyyah.

Kajian: Iaitu kegiatan mengkaji⁴² yang dalam bahasa Inggeris disebut '*research*' iaitu penyelidikan, membuat penyelidikan, menyelidiki⁴³ atau menyelidik untuk mencari keterangan lanjut⁴⁴.

Metodologi: Berasal daripada perkataan Inggeris, '*methodology*' yang bererti sains atau kajian mengenai kaedah terutama dalam perkara ilmiah. Manakala '*method*' bererti sistem, aturan, cara membuat sesuatu atau kaedah⁴⁵. **Metode** yang berasal daripada perkataan Inggeris itu digunakan dalam bahasa Malaysia bererti sistem, cara melakukan sesuatu atau dalam bahasa Indonesia bererti buku pelajaran mengenai kaedah belajar. Manakala **metodologi** pula ialah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin dan sebagainya⁴⁶.

⁴¹ Awang Had Salleh (1977), "Masyarakat Melayu", dalam Zainal Kling (ed.), *Institusi Pondok*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors, h. 33-34.

⁴² Noresah Binti Baharom (2000), *op.cit.*, h. 560.

⁴³ *Kamus Inggeris - Melayu Dewan* (1991). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1333.

⁴⁴ *Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris - Bahasa Malaysia* (1979). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1043.

⁴⁵ *Ibid*, h. 781.

⁴⁶ Noresah Binti Baharom (2000), *op.cit.*, h. 887.

Keberkesanan: Berasal daripada kata nama **kesan**, iaitu bekas, tanda yang ditinggalkan oleh sesuatu atau sesuatu yang timbul sama ada kebaikan atau keburukan daripada sesuatu kejadian, efek atau pengaruh pada pemikiran, sikap, watak yang timbul akibat daripada mendengar atau membaca sesuatu. **Berkesan** bererti meninggalkan kesan atau bekas, berbekas atau menimbulkan hasil yang diharapkan, membawa kepada sesuatu perubahan, efektif atau mendatangkan sesuatu pengaruh kepada pemikiran, sikap, watak seseorang atau sesuatu golongan. Manakala **Keberkesanan** pula bererti perihal berkesan atau berkesannya sesuatu tindakan⁴⁷.

Daripada keseluruhan pengertian yang telah dijelaskan, dapat dirumuskan dan dibuat kesimpulan aspek-aspek berikut sebagai masalah utama yang akan dibincangkan dalam penyelidikan ini :-

1. Bagaimanakah sejarah pembentukan Pondok Pasir Tumboh ?
2. Bagaimanakah sistem pendidikan di Pondok Pasir Tumboh ?
3. Apakah kitab-kitab yang digunakan dalam pengajian ?
4. Apakah metode yang digunakan dalam pengajian ilmu *Fiqh* di Pondok Pasir Tumboh ?
5. Sejauh manakah keberkesanan pengajian ilmu *Fiqh* di Pondok Pasir Tumboh ?
6. Apakah masalah-masalah yang dihadapi di Pondok Pasir Tumboh ?

⁴⁷ *Ibid.*, h. 663.

3. TUJUAN PENULISAN

- 3.1. Melatih diri dalam menyediakan penyelidikan yang lebih tinggi mutunya serta sebagai pendorong ke arah penyelidikan ilmiah pada masa-masa akan datang.
- 3.2. Untuk mengetahui konsep sebenar ilmu *Fiqh* memandangkan kontroversi yang timbul di sekitar persoalan hukum dan mazhab.
- 3.3. Untuk melihat sejauh mana keberkesanan metodologi pengajian *Fiqh* di pondok dalam memahami dan menguasai kitab-kitab *Fiqh*.
- 3.4. Untuk mengemukakan kepada masyarakat dan pelajar tentang sistem pengajian pondok yang telah melahirkan para ulama dan memaparkan suatu pendekatan atau metode dalam pengajian ilmu *Fiqh* terutama kepada pelajar-pelajar yang ingin mempelajari hukum *Fiqh* dan mendalami kitab-kitab *Fiqh turāth* daripada sumber yang asli sebagai suatu alternatif atau *elektif*.
- 3.5. Untuk menghasilkan bahan rujukan yang bakal memberikan manfaat kepada generasi yang akan datang.
- 3.6. Untuk memenuhi syarat bagi mendapatkan Ijazah Sarjana Usuluddin seperti yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.

4. METODOLOGI PENULISAN

Dalam usaha menyiapkan kajian ini penulis menggunakan beberapa metode tertentu sebagaimana berikut :-

4.1. Metode Pengumpulan Data

Dalam usaha pengumpulan data penulis menggunakan beberapa metode iaitu :-

4.1.1. Metode *Historis*

Metode *historis* bererti satu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai sesuatu kajian⁴⁸. Metode ini digunakan dengan tujuan untuk mendapatkan data yang mempunyai nilai sejarah.

4.1.2. Metode Dokumentasi

Metode ini dilakukan dengan mengumpulkan data-data serta mengkaji dokumen-dokumen yang berhubungan dengan masalah-masalah yang dikaji⁴⁹. Dokumen ini ialah bahan bertulis yang dapat memberikan berbagai keterangan seperti buku, majalah, keratan-keratan akhbar dan lain-lain.

⁴⁸ Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h. 52.

⁴⁹ Abdul Halim Mat Diah, Prof. Madya Dr. (1987), *Satu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya, h. 52.

4.1.3. Metode Interviu

Metode interviu merangkumi cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan daripada seorang responden, dengan bercakap secara berhadapan muka. Metode ini merupakan pembantu utama kepada metode *observasi*⁵⁰.

4.1.4. Metode Observasi

Metode *observasi* berkait rapat dengan metode wawancara. Metode *observasi* adalah cara pengumpulan maklumat dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian⁵¹. Pengalaman yang dialami oleh penulis secara langsung dalam masalah-masalah yang mempunyai hubungan dengan objek penyelidikan juga dikira sebagai metode *observasi*.

4.1.5. Metode Soal Selidik

Soal selidik berbentuk satu senarai soalan yang bertulis. Soalan-soalan itu disediakan oleh penulis difikirkan merangkumi maklumat-maklumat yang diperlukan⁵².

4.2. Metode Analisis Data

Sementara dalam usaha menganalisis data yang diperoleh, penulis menggunakan metode-metode berikut :-

⁵⁰ Koentjaraningrat (1983), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: P.T. Gramedia, h. 162.

⁵¹ Abdul Halim Mat Diah (1987), *op.cit.*, h. 129.

⁵² Samaruddin Rejab & Nazri Abdullah (1993), *Panduan Menulis Tesis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 31.

4.2.1. Metode Induktif

Metode induktif iaitu satu cara untuk menganalisis data yang diperoleh melalui pola pemikiran yang mencari pembuktian daripada hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum⁵³.

4.2.2. Metode Deduktif

Metode deduktif iaitu cara menganalisis data serta melakukan penulisan berdasarkan kepada pola pemikiran yang mencari bukti berdasarkan dalil-dalil umum terhadap hal-hal yang khusus.⁵⁴

4.2.3. Metode Komparatif

Metode komparatif iaitu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap semua fakta dan data-data yang diperoleh⁵⁵.

Huraian yang lebih jelas lagi mengenai metodologi penulisan ini akan dinyatakan secara terperinci dalam bab ketiga, iaitu bab metodologi.

5. SISTEMATIKA PENULISAN

Penulis telah membahagikan penulisan disertasi ini kepada lima bahagian.

BAB PERTAMA - PENDAHULUAN Penulis mengemukakan bab ini dengan perbincangan latar belakang masalah yang berkisar tentang Pasir Tumbuh sebagai

⁵³ Imam Barnadib (1982), *op.cit.*, h. 51.

⁵⁴ Abdul Halim Mat Diah (1987), *op.cit.*, h. 134.

⁵⁵ *Ibid.*, h. 136.

lokasi tempat kajian dan Pondok Pasir Tumbuh secara umum. Penulis juga menerangkan tentang pengertian tajuk kajian ilmiah ini serta perumusan masalah dengan mendedahkan aspek-aspek yang hendak dibincangkan. Selain daripada menerangkan tujuan penulisan kajian ilmiah ini, penulis juga mengemukakan metodologi penulisan secara umum serta sistematika penulisan secara ringkas.

BAB KEDUA Penulis menerangkan tentang landasan teori dengan mengemukakan pengajian *Fiqh* dalam keilmuan Islam, pengajian *Fiqh* dalam sistem pondok dan metode-metode pengajian ilmu *Fiqh*.

BAB KETIGA Penulis memperjelaskan metode-metode yang digunakan dalam penyelidikan ini secara terperinci.

BAB KEEMPAT Penulis menerangkan laporan penyelidikan serta analisis data. Penulis membicarakan sejarah perkembangan Pondok Pasir Tumbuh, sistem pendidikan dan kitab-kitab yang digunakan dalam pengajian di Pondok Pasir Tumbuh. Penulis juga memaparkan metode-metode pengajian ilmu *Fiqh* di Pondok Pasir Tumbuh dan menyatakan keberkesanan pengajian ilmu *Fiqh* di Pondok Pasir Tumbuh seterusnya masalah-masalah yang dihadapi di Pondok Pasir Tumbuh.

BAB KELIMA Penulis merumuskan dengan membuat kesimpulan dan saranan hasil daripada penyelidikan yang dilakukan.